

Cabar diri tubuh bisnes jual madu

[FOTO MOHD KHAIRUL HELMY MOHD DIN/BH]

Oleh Nor Azma Laila
norazma@bh.com.my

► Serdang

Minat mendalam terhadap dunia perniagaan yang dipupuk sejak di bangku sekolah membuatkan pelajar Universiti Putra Malaysia (UPM), Ahmad Syuaib Mohd Yusoff mencabar diri menubuhkan perniagaan menjual madu lebah dinamakan Bee Happy pada Julai tahun lalu.

Berbekalkan modal permulaan sebanyak RM5,000, pelajar Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Sains Biokimia itu kini berjaya mengembangkan perniagaan dengan memiliki 20 ejen di seluruh negara kecuali Sarawak.

"Saya menyasarkan untuk memiliki 50 ejen di seluruh negara pada tahun ini. Sehubungan itu, banyak lagi kerja perlu dilakukan bagi memastikan sasaran itu berjaya direalisasikan, termasuk dengan membuat promosi melalui media sosial.

Bentuk stick

"Selain konsep jualan melalui ejen, Bee Happy juga memberi tumpuan kepada jualan runcit, terutama membabitkan

sekolah di sekitar Serdang, Bangi dan Putrajaya," katanya ketika ditemui di sini, baru-baru ini.

Produk Bee Happy yang didatangkan dalam bentuk *stick* itu dijual pada harga runcit RM1.20 hingga RM1.50 setiap satu, manakala harga ditawarkan kepada ejen pula berbeza berdasarkan kuantiti diambil.

Berkongsi mengenai cabaran bergelar usahawan muda, anak ketujuh daripada sembilan adik-beradik itu berkata, masa dan persaingan menjadi perkara utama yang perlu dihadapi sepanjang menjalankan perniagaan.

Perluaskan perniagaan

"Saya sudah mula berjinak-jinak dengan dunia bisnes di UPM ini sejak tahun pertama pengajian lagi dengan menjual pelbagai jenis produk lain. Ketika itu, keputusan peperiksaan saya didapati kurang memberangsangkan, mungkin kerana terlalu sibuk menguruskan bisnes.

"Selepas menyedari perkara itu, saya terus membahagikan masa dengan bijak supaya dapat memberi lebih tumpuan kepada akademik. Saya bersyukur kerana berjaya meningkatkan pencapaian pada tahun pengajian

berikutnya," katanya.

Selain itu, Ahmad Syuaib tidak menafikan ada peniaga yang sudah berpengalaman dan bermodal besar memandang rendah kepada kebolehan dirinya, malah mendakwa pernah diperdayakan dengan perjanjian kerjasama yang dilihat berat sebelah.

Dalam pada itu, Ahmad Syuaib tidak ketinggalan memperluaskan perniagaannya dengan menawarkan perkhidmatan *door gift* madu kepada pelanggan yang berminat, terutama untuk majlis pertunangan dan perkahwinan.

"Saya baru menawarkan perkhidmatan *door gift* tahun ini dan kini dalam proses perbincangan dengan rakan bisnes yang menjual coklat untuk menjalin kerjasama mengukuhkan lagi cabang baharu ini dengan menawarkan *door gift* madu dan coklat kepada pelanggan pada masa akan datang.

"Saya gembira dapat meluaskan lagi cabang perniagaan ini kerana pada masa sama dapat membantu rakan universiti menjana pendapatan sampingan melalui produk Bee Happy," katanya.



Ahmad Syuaib menunjukkan produk madu Bee Happy yang dijual.

info

Bee Happy

- Mula berada dalam pasaran pada Ogos 2016
- Ahmad Syuaib berjaya mendapat pulangan modal hasil jualan Ogos 2016
- Secara purata, sebanyak 10,000 *stick* dihasilkan setiap bulan



Produk madu Bee Happy berada dalam pasaran sejak Ogos 2016.